

Warga asing miliki syabu dipenjara tujuh bulan

MIRI: Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah atas pertuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Mahkamah yang menerima pengakuan bersalah tertuduh turut memerintahkannya dirujuk kepada Jabatan Imigresen untuk

tindakan lanjut selesai menjalani hukuman penjara.

Tertuduh, Rifqi Rama Nanda, 22, dari Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun

atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis methamphetamine (syabu) seberat 0.19 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB

1952.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 1.55 pagi, 19 Mac lalu di sebuah bilik hotel bajet di Jalan Duranta di sini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.